

## Program Sentuhan Kasih Pendidikan Moral SPM set 3

1. Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya negara kita. Rakyat perlu bijak dalam memilih organisasi untuk mentadbir negara.



- (a) Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas diberi hak untuk menjadi pengundi dalam pilihanraya.

Senaraikan cara untuk mengundi dalam pilihanraya. [3 markah]

i

.....

ii

.....

iii

.....

- (b) Cerakinkan kepentingan warganegara melibatkan diri dalam pilihan raya. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan warganegara Malaysia pergi mengundi ? [2 markah]

i

.....

ii

.....

- (d) Memiliki dokumen sah sebagai rakyat sesebuah negara adalah hak warganegara. Namakan dokumen sah tersebut. [1 markah]

.....

5. Berikut merupakan keratan akhbar berkaitan seorang remaja tidak dapat sambung pelajaran ke sekolah menengah kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

**Remaja tidak dapat ke sekolah gara-gara tiada kad pengenalan**

PONTIAN – Disebabkan tidak mempunyai kad pengenalan, seorang remaja yang tinggal bersama ibu angkatnya di Kampung Ayer Baloi di sini tidak dapat menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah. Menurut Rokiah Yudik, 64, dia menjadikan Muhammad Faiz Naqqudin Abdullah, 13, sebagai anak angkat sejak remaja itu berusia tiga hari. Katanya, anak angkatnya itu lahir pada 16 Oktober 2008, dan diserahkan kepadanya oleh seorang wanita.



Sumber : Kosmo, 26/10/2021

- (a) Nyatakan kesukaran lain jika tidak mempunyai kad pengenalan. [2 markah]

.....  
.....

- (b) Jelaskan kepentingan pendidikan. [4 markah]

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

- (c) Senaraikan hak warganegara yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. [3 markah]

i  
.....  
ii  
.....  
iii  
.....

- (d) Namakan agensi yang menguruskan pendaftaran kerakyatan Malaysia. [1 markah]

.....





**Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan warganegara Malaysia kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Rakyat Malaysia boleh menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan saluran yang betul, tetapi bukan melalui provokasi yang boleh mengancam perpaduan kaum dan keamanan negara.**

- 8a. Nyatakan perkara sensitif di dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat Malaysia. [4m]
- b. Bincangkan bagaimana rakyat Malaysia boleh menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan menggunakan saluran yang betul ? [8m]
- c. Semasa menggunakan hak kebebasan bersuara dan berhimpun, rakyat Malaysia harus mamatuhi batasan tertentu agar tindakan yang diambil tidak menyalahi Perlembagaan Malaysia dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Huraikan cara-cara seseorang warganegara mengamalkan hak dan tanggungjawab untuk kebebasan bersuara dan berhimpun ?

Terangkan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8m]

4. Maklumat berikut berkaitan dengan keunikan kaum Kadazandusun.

<b>Kaum Kadazandusun</b>	
Bahasa	: Kadazandusun
Makanan	: Tuhau, Hinava, Bosou
Pakaian	: Himpogot, Tangkong, Siling, Tapi'
Perayaan	: Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang

(a) Nyatakan contoh perayaan dan makanan bagi kaum Iban di Sarawak. [2m]

i. Perayaan :

.....

ii. Makanan :

.....

(b) Setiap rakyat Malaysia patut mempertahankan dan mengekalkan keunikan rakyat negara ini supaya generasi muda dapat menyedari kepentingan keunikan ini. Huraikan kepentingan mengekalkan warisan kebudayaan pelbagai kaum. [4m]

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(c) Jelaskan satu tindakan anda berdasarkan situasi di bawah :

i Jiran Melayu menjemput anda menghadiri majlis perkahwinan ahli keluarganya. [2m]

.....  
.....  
.....  
.....

ii Rakan anda memakai pakaian kurang sopan semasa menghadiri majlis tersebut. [2m]

.....  
.....  
.....  
.....





